

# Mahathir bidas k-api tak ikut jadual

B.H. - 9 AUG 1973

**K**UALA LUMPUR, Rabu. — Gerabak lapok, landasan condong dan perjalanan keretapi tidak ikut jadual baru kurang menyenangkan seorang Senator.

Senator Dr. Mahathir Mohamad memberitahu Dewan Negara petang ini, eloklah perkembangan ini diatasi segera oleh pihak berkenaan.

Menurutnya, kalau Keretapi Tanah Melayu hendak membeli kepala-kepala keretapi yang baru, gerabaknya pun mesti baru juga.

Beliau bercakap dalam debat Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan berjumlah \$381 juta bagi tahun 1972/73 yang disambung semula hari ini.

Dr. Mahathir berkata, menurut jadual perjalanan lama, keretapi mel ke Utara bertolak pukul 9.30 malam dan sampai di Butterworth kira-kira pukul 7 pagi.

Beliau juga kurang faham mengapa perjalanan keretapi mel malam ke Utara itu berhenti di Kuang yang belum pernah berlaku sebelum sistem bertolak lambat sampai cepat itu dilaksanakan.

Dr. Mahathir kemudian menyebut bahawa anggota-anggota Dewan Negara mungkin tidak naik keretapi di kelas pertama sekiranya mereka dikenakan bayaran.

"Sebabnya bukan kerana gerabaknya yang lapok, tetapi alat penyejok udaranya pun sudah tidak dapat hendak dika-

Tetapi setelah jadual perjalanan baru dilaksanakan ketibaan keretapi mel malam dari Kuala Lumpur semakin lambat sampai, kadang-kadang pukul 7.30 pagi dan ada kala pukul 8 pagi.

"Inilah gerangan sistem bertolak lambat sampai cepat itu," tegasnya.

## Lambat

Dr. Mahathir juga menyebut tentang gerabak-gerabak keretapi yang sudah lapok dan landasannya condong seperti yang terdapat di Kuang dekat Rawang.

"Kerana landasannya condong gerabak keretapi pun berjalan senget dan keadaan ini hendaklah diatasi segera," tambahnya.

wal lagi dan kain selimut pun bertambah pendek sekarang," kata Dr. Mahathir.

Bagaimanapun beliau yakin Keretapi Tanah Melayu akan mendapat untung lagi kiranya perkhidmatannya dapat diperbaiki lagi sesuai dengan keadaan.

Dr. Mahathir menyebut perkhidmatan penerbangan malam Sistem Penerbangan Malaysia antara Kuala Lumpur ke Pulau Pinang mendapat sambutan baik kerana "perkhidmatannya bagus dan tambangnya pun murah